

KEPERLUAN SPIRITUAL GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI MALAYSIA

Spiritual Needs of People with Disabilities (PWD) in Malaysia

Nurul Izzattie Elnyz Mahadi

*Master Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
22055709@siswa.um.edu.my*

Raihanah Hj Abdullah

*Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
raihanah@um.edu.my*

Mohd Norhusairi Mat Hussin

*Associate Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
husairi@um.edu.my*

Hasiah Mat Salleh

*Senior Lecturer, Department of Shariah
Sultan Ahmad Shah Islamic University
25150 Kuantan.
hasiah@kuipsas.edu.my*

ABSTRACT

People with disabilities (PWD) are often a marginalized group that faces significant barriers to experiencing spiritual fulfillment due to physical limitations, lack of support, and the absence of sign language interpreters in religious settings. However, these challenges should not justify neglecting or excluding them from

fulfilling their religious obligations as prescribed by Shariah. Gaining knowledge of Islam and other spiritual teachings is essential, as it nourishes the soul and helps resolve inner conflicts, which ultimately has a positive impact on individuals. Therefore, religious authorities have a responsibility to educate PWD on religious practices, including how to pray, the rules of fasting, and how to communicate Islamic beliefs in a way that is accessible to this group. The aim of this research is to identify the spiritual needs of PWD and suggest improvements to facilitate their learning of religious knowledge. The study employs a qualitative methodology, using document analysis to explore this issue and review past studies. While there has been research on PWD, there is a lack of studies focused on their spiritual needs. The findings of this study suggest that relevant authorities have yet to adequately address the spiritual development and needs of this group.

Keywords: *Islam, People with Disabilities (PWD), religious, spiritual, worship*


PENDAHULUAN

Islam amat menitikberatkan kesempurnaan dalam ibadah namun tetap meraikan kesusahan dan kekurangan yang dihadapi oleh Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas dan orang sakit. Bagi menuju kejayaan di akhirat, seorang Muslim memerlukan bimbingan kerohanian sepertimana Allah menggariskan panduan di dalam kitab sucinya, Alquran dan Assunah yang dapat membimbing manusia untuk menjadi lebih baik dengan cara menunaikan ibadah seperti solat, puasa, zikir, tasbih, berdoa, menanamkan sifat qana'ah, serta selalu menghadiri majlis ilmu untuk mengisi keperluan kerohanian. Oleh hal yang demikian, masjid merupakan tempat yang menyediakan keperluan rohani bagi umat Islam bahkan menjadi tumpuan semua individu Muslim untuk melakukan aktiviti harian seperti menunaikan ibadah, menghadiri majlis ilmu, kelas pengajian al-quran serta aktiviti kemasyarakatan.

Di samping itu, masjid juga telah menyediakan fasiliti yang lengkap untuk memudahkan urusan semua golongan termasuk golongan OKU untuk beribadah di sana. Contohnya, tempat mengambil wudhu', khutbah jumaat dalam bahasa isyarat dan tempat meletakkan kenderaan khusus kepada OKU. Infrastruktur yang disediakan untuk individu istimewa ini perlu difokuskan elemen mesra pengguna yang dapat memberi keselesaan kepada semua

kategori golongan OKU sewaktu beribadah kerana keperluan yang diperlukan bagi OKU penglihatan dan pendengaran berbeza dengan OKU fizikal. Malangnya apabila diteliti, dapatan mendapati tidak semua masjid mempunyai kelas agama atau bimbingan kerohanian untuk OKU mempelajari agama dengan lebih mendalam sedangkan keperluan rohani golongan OKU ini perlu diisi dengan nilai-nilai agama supaya mereka dapat melangsungkan kehidupan dengan lebih sempurna dan bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Rajah 1: Keperluan Rohani



Sumber: Analisis Penulis


STATISTIK JUMLAH OKU MENGIKUT KATEGORI DI MALAYSIA

Golongan Orang Kelainan Upaya perlu dititikberatkan oleh semua masyarakat supaya golongan istimewa yang hidup di dalam dunia ini tidak rasa terpinggir sehinggakan wujudnya kehidupan di antara 'dua darjat'. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah keperluan golongan ini, sama ada dari segi fizikal mahupun spiritual. Sebagai golongan minoriti dalam masyarakat, mereka sangat memerlukan sokongan dan pembelaan supaya dapat menjalani kehidupan seharian seperti individu lain. Namun, keperluan mereka sering diabaikan dan disisihkan. Hal ini dibuktikan berdasarkan laporan oleh Ketua Audit Negara pada 9 Ogos 2023 yang melibatkan 195 buah premis yang telah dilaksanakan audit akses melibatkan dua hingga tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menunjukkan bahawa kemudahan seperti tandas, papan tanda dan ramp bagi kegunaan OKU tidak menepati piawaian MS1184.

Dapatan juga menemukan bahawa terdapat laluan pejalan kaki yang rosak dan beberapa fasiliti yang tidak menepati spesifikasi telah menyukarkan OKU berkerusi roda dan OKU kategori lain untuk menggunakan kemudahan tersebut. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa keperluan yang diperlukan oleh OKU amatlah terhad dan tidak mesra OKU sedangkan jumlah OKU yang berada di Malaysia ialah seramai 637,537 orang iaitu 11% daripada keseluruhan

penduduk di Malaysia (Aizan, 2022: 14). Berpandukan jumlah tersebut, terdapat tiga negeri yang diklasifikasikan sebagai negeri yang mempunyai jumlah OKU yang ramai iaitu Selangor (104,909 orang), Johor (73,918) dan Perak (55,333 orang) manakala negeri yang mencatatkan jumlah OKU yang terendah ialah di negeri Perlis (8371 orang), Negeri Sembilan (28,569 orang) dan Melaka (28,866 orang). Bagi menjelaskan mengenai jumlah OKU di Malaysia pada tahun 2023, maka carta di bawah adalah seperti berikut:

Carta 1: Statistik Jumlah Semua Kategori OKU di Malaysia (2023)



Sumber: Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2023

METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data yang memfokuskan kepada metode kajian perpustakaan bagi mendapatkan data kajian dan maklumat yang bersumberkan daripada buku, kertas kerja, artikel, jurnal serta statut perundangan. Bahkan pengkaji juga mengumpulkan data dengan menemubual 11 orang responden. Manakala data kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mendapatkan rumusan terhadap keperluan spiritual golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) menurut dapatan daripada artikel, temubual dan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan.

KONSEP ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

OKU merupakan mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Menurut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya, (CRPD) OKU merupakan individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang yang menghalang mereka berinteraksi secara normal. (Ikmal Hisham, 2018: 71-99). Bahkan, terdapat beberapa akta yang menyentuh mengenai kesamarataan, hak-hak dan penjagaan OKU di Malaysia seperti Akta Orang Kurang Upaya 2008, Akta Orang-Orang Papa 1997, Seksyen 79 Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 95 Akta 164 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan sebagainya (Zulazhar Tahir, 2020 : 96-114). Peruntukan-peruntukan ini terlihat sebagai satu inisiatif yang baik dalam membantu OKU namun, tahap keberkesannya amat membimbangkan kerana golongan OKU ini tetap disisihkan.

SOROTAN LITERATUR TERHADAP KEPERLUAN SPIRITUAL GOLONGAN OKU

Keperluan spiritual merupakan aspek rohani yang penting bagi memenuhi hak-hak asasi OKU. Walaubagaimanapun, keperluan asas di masjid untuk golongan OKU masih kurang sempurna, terutamanya keperluan spiritual OKU. Kebiasaannya, keperluan rohani ini diperolehi di masjid disebabkan masjid merupakan tempat tumpuan untuk menadah ilmu agama dan tempat berkumpulnya para ulama' untuk menyampaikan ajaran Islam (Nor Azlina, 2017: 219-246). Golongan minoriti ini masih terpinggir dan mengalami kesulitan terutamanya dalam mendapatkan ilmu agama yang disediakan dan menggunakan fasiliti awam di masjid. Beberapa isu yang dihadapi termasuklah kurangnya fasiliti kerusi roda dalam ruang solat, kekurangan jurubahasa ketika khutbah Jumaat dan tiada penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid. Lantaran itu, pembangunan konsep dan model Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia masih berada di tahap yang rendah (Abdul Munir Ismail, 2014: 62-78).

Kelompok ini masih terisolasi dan mengalami kesulitan dalam menggunakan fasiliti yang disediakan terutamanya di masjid seperti menggunakan kerusi roda dalam ruang solat, penyediaan jurubahasa ketika khutbah Jumaat dan penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid. Menurut statistik yang dinyatakan oleh

Jabatan Kebajikan Masyarakat, dianggarkan bahawa 1% penduduk setiap negara adalah terdiri dari OKU. Ini bermakna, di Malaysia, terdapat seramai 633,653 OKU dalam pelbagai kategori yang memerlukan perhatian masyarakat (JKM, 2022). Menurut kajian, keperluan golongan ini berbeza berdasarkan jenis ketidakupayaan mereka. Sebagai contoh, OKU penglihatan memerlukan laluan khas untuk memudahkan pergerakannya sedangkan OKU pendengaran memerlukan khidmat bahasa isyarat. (Siti Muhibbah, 2020:19-27).

Seterusnya, masjid juga dilihat berfungsi sebagai pusat kerohanian dan gedung ilmu yang menjalankan lima jenis aktiviti iaitu ibadah wajib, pengajian kitab atau ceramah, aktiviti kemasyarakatan, ekonomi dan pentadbiran. (Roslan, 2002: 128-159). Tambahan pula, pelbagai aktiviti dilaksanakan di masjid untuk memperkembangkan fungsi masjid dan sebagai medium penyampaian dakwah kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai aktiviti seperti majlis ilmu, kelas agama, kelas mengaji dan usrah (Mohammad Sabran, 2013: 82-90). Menurut penelitian di beberapa masjid di sekitar negeri Perak menyimpulkan bahawa belum wujudnya fasiliti yang mesra OKU dan mesra jemaah masjid yang kurang sihat (Abdul Munir, 2014: 48-57).

Pihak masjid seharusnya memberi perhatian dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh golongan istimewa ini dan kemudahan yang menepati piawaian yang digariskan oleh MS1184 seperti tempat wudhuk khas, kemudahan tandas yang mempunyai saiz yang tertentu dan sebagainya. Menurut Norakyairee dan Ab. Halim, konsep masjid sebagai wahana transformasi ummah mengharuskan masyarakat Muslim meletakkan peranan institusi masjid setaraf dengan pemusatan aktiviti masyarakat pada era kegemilangan Islam (Norakyairee, 2011:139-156). Ini jelas menunjukkan bahawa masjid boleh menjadi "One Stop Centre" yang tidak hanya berfungsi sebagai tempat untuk aktiviti kerohanian, tetapi juga sebagai pusat tumpuan masyarakat dari segi ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, riadah, dan pelbagai aspek lain, sehingga dapat memenuhi keperluan dan kehendak semua anggota masyarakat tanpa mengira kategori.

Selain itu, kelompongan yang wujud bagi memenuhi keperluan spiritual OKU ialah mengenai pembelajaran hukum syariat atau ilmu fiqh berkaitan dengan semua jenis kategori OKU yang perlu dititikberatkan oleh pihak pengurusan masjid dan Jabatan Agama supaya golongan ini didedahkan dengan bimbingan yang betul (Nur Dayana, 2022: 33-51). Apabila wujudnya, didikan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah mahupun kelas khusus bagi pembelajaran hukum hakam untuk golongan OKU ini, maka mereka boleh membezakan baik dan buruk serta tidak mengambil jalan mudah apabila timbulnya sebarang masalah seperti bunuh diri. Tambahan pula, OKU cacat

penglihatan menghadapi masalah untuk melakukan ibadah solat di masjid kerana tidak mengetahui kaedah yang benar untuk menunaikan ibadah (Nurul Asma Liana Bakar, 2017:3-15). Oleh yang demikian, bimbingan khusus tersebut merupakan satu contoh pembangunan yang sesuai dilaksanakan bagi memenuhi keperluan spiritual mereka.

Malah, daripada aspek pembangunan kerohanian mereka pula, hanya beberapa kajian yang baru dilakukan yang mengupas tentang hak golongan istimewa ini untuk beribadah dan kajian ini hanya memfokuskan di kawasan bandar, Negeri Kelantan sahaja kajian menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat telah mempunyai kesedaran yang baik mengenai hak beribadah OKU di masjid tetapi terdapat kepincangan didalam aspek pemantapan kerohanian iaitu golongan agamawan tidak mempunyai kepakaran khas untuk mendekati golongan istimewa ini. (Nurul Hidayati, 2017: 44-68). Tambahan pula, pengajian agama yang dijalankan oleh pihak masjid hanya dihadiri oleh “orang-orang pencen atau pak lebai” sahaja kerana kaedahnyalah membaca kitab dan kadangkalanya tidak wujudnya penterjemah yang mesra OKU bagi menarik minat golongan istimewa untuk menghadiri majlis ilmu sebegini. Majlis ini perlu diubah tradisinya agar menjadi lebih menarik dan progresif (Mohd Yusuf Othman, 1997: 75-88).

OKU pekak tidak dapat memahami ilmu agama dengan baik walaupun pengajian agama dapat didapati dengan mudah di pelbagai medium. Kebiasaannya masjid menyediakan kelas agama namun pengajian tersebut seperti “hidangan yang enak” yang hanya mampu dilihat namun tidak dapat dinikmati oleh golongan OKU yang mempunyai masalah pendengaran. Mereka dapat turut serta dalam kelas pengajian agama yang dijalankan namun sekadar menghadirkan jasad kerana mereka tidak dapat mendengar dengan baik akan intipati pengajian tersebut (Huzairi, 2010: 288). Selain daripada tempat menimba ilmu, berkemungkinan besar masjid boleh berfungsi sebagai tempat penyelesaian bagi masalah kerohanian, moral dan sosial yang dihadapi (Muhammad Uthman, 1997: 24-49). Oleh yang demikian, setiap keperluan OKU perlu dititikberatkan terutamanya keperluan spiritual supaya golongan ini merasakan terdapat sinar cahaya dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, pihak pengurusan masjid dan para pendakwah perlu mempunyai kemahiran sewaktu berkomunikasi dengan golongan OKU. Mereka seharusnya menghadiri kursus-kursus jangka pendek, mempelajari bahasa isyarat dan melantik petugas khas OKU supaya keperluan mereka sewaktu beribadah dapat disediakan dengan sebaiknya. Jika agamawan ini mempunyai kemahiran berbahasa isyarat pastinya dapat memberi kefahaman kepada golongan OKU untuk memahami isi kandungan ceramah agama.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sebahagian pengurusan masjid yang memahami keperluan golongan OKU di masjid di Negeri Sembilan telah menyediakan kemudahan fasiliti dari segi spiritual yang diperlukan OKU serta selalu menyelia kondisi fasiliti OKU di masjid-masjid sekitar supaya sentiasa dalam keadaan sempurna (Mohamed, 2020: 75-88). Hal ini dikukuhkan dengan pengajian alquran braille masih kurang disediakan namun beberapa sekolah sudah menyediakan pembelajaran ini kepada pelajar pendidikan khas (Norakyairee, 2013:79-94).

Pengajian ini boleh dicadangkan untuk dilaksanakan di masjid supaya lebih ramai pelajar berkeperluan khas berpeluang untuk mempelajarinya. Di samping itu, masjid perlu diuruskan secara profesional dan sistematik seperti agensi kerajaan yang berada di Malaysia. (Mustari, 2008:11-43). Hal ini kerana sesebuah masjid yang diuruskan secara teratur akan menjadikan fungsi tempat itu lebih bermakna dari sudut kewangan, keilmuan dan pusat aktiviti kemasyarakatan. Demi memenuhi keperluan spiritual OKU, sesebuah masjid perlu diimarahkan agar golongan istimewa ini mengetahui tempat yang ingin dituju jika mengalami sebarang kebuntuan dalam hal-hal ibadah dan keagamaan. Apabila masjid menjadi tempat tujuan, keperluan fizikal seperti fasiliti asas perlulah disediakan di masjid dengan sebaiknya dan jika fasiliti sedia ada itu sudah rosak perlulah dibuat perancangan untuk membaiki fasiliti tersebut. Perancangan yang sistematik perlu diutamakan agar dapat memudahkan golongan OKU dalam menggunakan kemudahan yang disediakan. Terdapat beberapa strategi yang telah digariskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memudahkan golongan OKU, seperti menyediakan tandas yang luas, kawasan bebas halangan (*barrier-free*) termasuk kemudahan di dalam dan luar bangunan (Shalini & Seow Ta Wee, 2012: 94-109).

Jelaslah bahawa keperluan kelompok ini harus difokuskan agar Model Masjid Mesra OKU dapat dibangunkan kerana masjid bukan hanya tempat untuk beribadah tetapi juga sebagai pusat kegiatan ilmu dan rujukan utama dalam hal-hal keagamaan, serta tempat berkumpulnya para ulama dan masyarakat untuk menyampaikan ajaran Islam (Nor Azlina, 2017: 219-246). Menurut kajian Yayasan Dakwah Islam Malaysia, pembangunan konsep dan model Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia masih kurang memuaskan (YADIM, 2015). Golongan minoriti ini masih terpinggir dan mengalami kesulitan, terutama dalam menggunakan fasiliti awam di masjid. Beberapa isu yang dihadapi termasuk kurangnya fasiliti kerusi roda dalam ruang solat, kekurangan jurubahasa ketika khutbah Jumaat, dan tiada penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid. Berdasarkan kajian Abdul Munir Ismail, pembangunan konsep dan model Masjid Mesra OKU di Malaysia masih berada di tahap yang rendah (Abdul Munir Ismail, 2014: 62-78). Kelompok

ini masih terisolasi dan mengalami kesulitan dalam menggunakan fasiliti yang disediakan di masjid, seperti penggunaan kerusi roda dalam ruang solat, penyediaan jurubahasa ketika khutbah Jumaat, dan penunjuk arah yang lengkap di sekitar masjid. Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, dianggarkan bahawa 1% penduduk setiap negara adalah OKU. Ini bermakna, di Malaysia, terdapat seramai 633,653 OKU dalam pelbagai kategori yang memerlukan perhatian masyarakat (JKM, 2022).

Oleh hal yang demikian, keperluan yang disediakan kepada golongan ini harus memenuhi keperluan mereka sewajarnya. Kemudahan OKU adalah kemudahan yang dihaskan kepada golongan kurang upaya untuk bergerak tanpa halangan baik di taman-taman awam, bangunan awam, ataupun di bandar yang sesak dengan pelbagai aktiviti (Ahmad Zamil, 2008: 32). Kebanyakan golongan OKU mempunyai masalah mengawal emosi sewaktu menghadapi dugaan menggunakan pengangkutan awam (Amin, 2009 : 275). Malah, terdapat peruntukan undang-undang yang menjamin hak OKU seperti Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta OKU 2008 yang menjamin hak OKU sewaktu menggunakan aksesibiliti kemudahan awam (Aizan, 2022 : 14). Namun, realitinya berbeza, OKU berkerusi roda atau menggunakan tongkat perlu bergantung pada teksi yang lebih mahal berbanding pengangkutan awam lain kerana pemandu teksi biasanya lebih menyantuni OKU. Kebiasaannya, pengangkutan awam bersifat tidak mesra OKU walaupun ada sesetengah perkhidmatan bas menyediakan kemudahan (ramp), namun kurang praktikal bagi pengguna OKU (Kamarulzaman, 2007 : 50). Justeru, peruntukan undang-undang dilihat penting untuk dikuatkuasakan dengan penalti tegas bagi sesiapa yang menidakkan hak dan keperluan OKU. Hanya melalui tindakan undang-undang yang tegas dapat menjamin keperluan OKU dipenuhi dengan adil dan saksama sejajar dengan Dasar OKU dan Pelan Tindakan Nasional OKU.

Menurut Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, pelbagai tawaran telah diberikan kepada golongan ini seperti perkhidmatan, rawatan, pemulihan, pendidikan, dan latihan dengan tujuan mengintegrasikan mereka dalam masyarakat. Terdapat juga peruntukan undang-undang yang menyokong pembangunan kehidupan orang kurang upaya, seperti yang jelas dinyatakan dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Kurang Upaya 2007 dan penggabalan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Namun begitu, golongan ini masih belum mendapatkan hak mereka yang sewajarnya (Nurhidayah, 2017: 219-236). Secara kesimpulannya, bagi memenuhi hak-hak yang diperlukan oleh OKU, semua pihak terutamanya kerajaan termasuk pihak bukan kerajaan iaitu (NGO) perlu menggembelng tenaga supaya keperluan yang diperlukan oleh OKU ini dipenuhi dengan sebaiknya dan masjid dapat menjadi sebagai “one stop centre” yang selesa kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan OKU.

ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL TERHADAP KEPERLUAN SPIRITUAL ORANG KELAINAN UPAYA

Keperluan spiritual sepertimana yang digariskan Islam ialah solat, puasa, zikir, membaca alquran, tasbih dan mempelajari ilmu agama merupakan ritual yang mengandungi unsur-unsur kejayaan kerana perbuatan ini akan mendekatkan seorang hamba dengan penciptaNya. Hal ini demikian kerana, sebuah ilmu merupakan satu perkara yang dipanggil *ta'lim, tarbiyyah dan ta'dib* yang dapat memupuk cinta kepada Allah Taala. Perkara ini merupakan usaha untuk memperkaya diri seseorang dengan ilmu pengetahuan agar menjadi individu yang sempurna, mampu melaksanakan tanggungjawab agama, dan memahami bahawa pendidikan sebenar mencakup pendidikan hati atau rohani. Setiap jiwa sangat memerlukan pembinaan, pengembangan, dan pemupukan agar kedua-dua potensi ini dapat berkembang dengan baik dan lebih sempurna. Ini selaras dengan kata-kata Ibn Qayyim yang menyatakan bahawa badan memerlukan pemakanan yang berkhasiat untuk sihat dan perlindungan daripada pelbagai penyakit, yang hanya boleh dicapai dengan memberikan makanan yang baik dan menghindari yang memudaratkan. Oleh itu, tiada jalan yang lebih efektif selain daripada didikan al-Quran.

Sekiranya terdapat cara lain untuk mencapai keperluan tersebut, kesannya hanya sedikit, sementara, dan tidak mencapai matlamat, objektif, serta falsafah pendidikan yang sebenar. Jelaslah disini bahawa, setiap rohani itu amat memerlukan pengisian begitu juga individu yang amat memerlukan pengisian kerohanian yang dapat diambil daripada ibadah-ibadah yang disyariatkan oleh Islam. Apabila individu itu dapat mengisi kerohaniannya dengan ilmu agama atau amal ibadah, mereka akan menjadi seorang yang hidup dalam keadaan yang bermatlamat iaitu mendapatkan keredhaan Allah, mendapatkan kasih sayang Rasulullah serta mendapatkan ganjaran syurga di akhirat kelak. Realitinya, individu yang bermatlamatkan akhirat ini, hidupnya didunia akan lebih teratur, sentiasa dibimbing oleh Allah dan semestinya dipermudahkan didalam segala urusan walaupun menghadapi pelbagai rintangan serta mempunyai pelbagai kekurangan diri seperti golongan orang kelainan upaya (OKU). Semua pihak terutamanya pendakwah perlu saling membantu golongan istimewa ini untuk memahami ilmu agama islam dengan lebih baik.

Berdasarkan sorotan literatur diatas mendapati bahawa golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia amat memerlukan suntikan spiritual iaitu pembinaan rohani berdasarkan ilmu agama Islam yang disyariatkan. Hakikatnya, terdapat beberapa kekangan yang mereka alami untuk mempelajari ilmu agama terutamanya di masjid. Antaranya ialah, tiada penterjemah bahasa isyarat, kurangnya kelas agama khusus bagi golongan istimewa ini dan

kurangnya kemudahan untuk mereka bergerak ke sana sini tetapi dunia digital pada hari ini sedikit sebanyak dapat membantu memudahkan golongan ini untuk mempelajari ilmu agama sepertimana sabda Rasulullah SAW:

Sesungguhnya agama ini mudah dan tidak seorang pun yang mempersulitnya kecuali pasti digagalkannya. Bertindaklah tepat, lakukan pendekatan, sebarkan berita gembira, permudah, dan gunakan waktu siang dan malam serta sedikit waktu fajar sebagai penolongmu. (Hadis Riwayat Bukhari)

Oleh hal yang demikian, dalam memenuhi keperluan spiritual golongan OKU, kajian ini mengenal pasti beberapa tema utama berdasarkan dapatan temubual dan sokongan literatur daripada kajian lepas. Tema-tema tersebut adalah, aksesibiliti OKU terhadap kemudahan yang disediakan, peranan guru dan pendidik serta keberkesanan program keagamaan yang disediakan di masjid. Setiap tema dibincangkan berdasarkan dapatan yang diperolehi lalu dianalisis dan disokong oleh kajian lepas.

Tema yang pertama adalah aksesibiliti OKU terhadap kemudahan yang disediakan. Menurut dapatan kajian yang diperolehi, kekangan utama yang dihadapi oleh golongan OKU ialah akses kepada kemudahan seperti al-Quran Braille, bahan rujukan agama serta teknologi sokongan untuk pembelajaran. Responden menyatakan bahawa bahan bacaan dalam tulisan Braille dan penggunaan teknologi untuk membantu memahami isi ceramah atau kelas agama amatlah diperlukan seperti yang dinyatakan oleh responden sewaktu temu bual dijalankan.

R4: *Saya rasa perlu perbanyakkan alquran braille kerana kadang-kadang OKU tak mampu nak beli sendiri, boleh kami guna yang ada kat masjid*

R6: *Lebih seronok belajar di masjid. Kadang masjid buat ceramah online tu senang la juga nak tengok, tak payah susah payah nak bergerak tapi nak fokus tak boleh sebab berada di rumah, ada anak cucu yang berada di sekeliling.*

Kemudahan seperti al-Quran Braille dan bahan bacaan khusus amat diperlukan oleh golongan istimewa ini kerana kekurangan bahan-bahan tersebut akan menyebabkan mereka terhalang untuk mendalami ilmu agama. Dalam konteks teknologi, ceramah atas talian amat membantu mereka yang menghadapi cabaran pergerakan dan suasana rumah yang sibuk sehingga terganggu tumpuan mereka. Hal ini disokong oleh kajian Hazlin yang mendapati bahawa akses kepada teknologi pembelajaran seperti skrin digital dan al-Quran Braille dapat meningkatkan kefahaman golongan OKU terhadap

ilmu agama. Ini menunjukkan bahawa kemudahan fizikal dan teknologi perlu menjadi fokus dalam memenuhi keperluan spiritual golongan ini (Hazlin, 2021 : 12).

Tema seterusnya adalah peranan guru dan pendidik. Menurut dapatan kajian, pendidik yang memahami keperluan golongan OKU dan mempunyai kesabaran yang tinggi memainkan peranan penting dalam keberkesanan pembelajaran agama. Responden mengutarakan keperluan untuk melatih pendidik dengan kemahiran khas seperti bahasa isyarat dan teknik pengajaran inklusif seperti yang dinyatakan oleh R3, R5 dan R6.

R3: *Kami memerlukan penterjemah bahasa isyarat, ada sesetengah tu dia nak belajar tapi tak faham. Kebanyakan masjid dah sediakan waktu khutbah jumaat tapi time kuliah agama belum ada lagi. Perlu melahirkan tenaga pengajar yang boleh berbahasa isyarat.*

R5: *Saya juga sokong kalau ada penterjemah ni, kalau boleh masjid adakan kelas bahasa isyarat juga. Sebabnya ada yang nak belajar untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga mereka.*

R6: *Saya pula perlukan tenaga pengajar yang penyabar sebab saya juga pengajar agama jadinya saya tahu ada golongan OKU yang tak faham dan akan tanya soalan tu berulang kali sampai dia faham. Bahkan sesetengah tempat tidak menyediakan penterjemah bahasa isyarat jadi bagi OKU pekak takdapat la nak tahu belajar apa hari tu.*

Berdasarkan dapatan tersebut dapat dilihat bahawa golongan OKU sering berasa tersisih kerana kurangnya kesabaran guru agama dalam menangani persoalan mereka. Ini menyebabkan mereka berasa terasing dan kurang bersemangat untuk menghadiri kelas agama. Kursus khas untuk pendidik amat penting agar mereka memahami pendekatan terbaik dalam menyampaikan ilmu agama kepada OKU. Perkara ini juga disokong oleh kajian lepas iaitu daripada penulisan Saiful Azam dapat diketahui bahawa guru agama yang dilatih dalam pendekatan inklusif dapat meningkatkan kefahaman golongan OKU terhadap agama. Program seperti Kursus Dakwah Tanpa Suara yang diperkenalkan pada 2015 menunjukkan keberkesanan dalam melatih pendidik dengan menguasai kemahiran bahasa isyarat (Saiful Azam, 2017: 7).

Tema yang terakhir adalah keberkesanan program keagamaan di Masjid. Kebiasaannya masjid memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran agama bagi golongan OKU. Namun, terdapat kekurangan seperti kurangnya penterjemah bahasa isyarat dan bahan sokongan lain. Responden kedua dan

ke-11 juga menyatakan bahawa keberkatan tempat seperti masjid membantu mereka lebih fokus dalam mempelajari agama.

R2: *Apabila dapat belajar di masjid, ilmu agama tu senang diterima sebab keberkatan tempat tu sendiri. Saya lebih prefer untuk belajar agama di masjid kerana lebih fokus, kurang gangguan sehinggakan boleh menimbulkan kefahaman yang mendalam. Kadang tak faham, boleh terus tanya asatizah yang mengajar tapi da kesukaran bagi orang pekak dan bisu sebab kadang-kadang tiada pakar bahasa isyarat disediakan sewaktu kuliah agama tapi di Masjid Sungai Ramal Luar ada tapi masjid ni jauh sikit laa. Disebabkan hal tersebut, mereka memilih untuk belajar secara atas talian.*

R11: *Masjid tertentu menyediakan program agama untuk OKU tapi sangat terhad.*

Berdasarkan maklum balas di atas, pihak pengurusan masjid perlu meningkatkan peranan mereka dengan menyediakan kemudahan mesra OKU seperti penterjemah bahasa isyarat, skrin paparan digital dan kelas agama khas. Keberkatan suasana masjid menjadikannya tempat yang lebih kondusif untuk pembelajaran agama, namun kemudahan tambahan yang lagi akan meningkatkan lagi keberkesanan program keagamaan yang dilaksanakan. Kajian oleh Ab Halim Tamuri menunjukkan bahawa masjid yang mesra OKU, seperti menyediakan penterjemah dan kelas khas, dapat membantu golongan istimewa ini mendalami ilmu agama dengan lebih berkesan (Ab Halim Tamuri, 2021: 4).

Hal ini dapat dilihat melalui rajah 2 iaitu analisis sorotan literatur dan dapatan temubual mengenai keperluan spiritual bagi golongan OKU) di Malaysia. Rajah 2 merupakan analisis yang menunjukkan bahawa golongan orang kelainan upaya (OKU) amat memerlukan program kerohanian yang dapat memenuhi keperluan spiritual mereka. Rajah tersebut merupakan rumusan daripada sorotan literatur dan hasil temubual bersama sebelas orang peserta kajian yang terdiri daripada Orang Kelainan Upaya sendiri. Menurut temubual, responden menyatakan hanya beberapa masjid yang menyediakan kelas agama khusus kepada OKU sewaktu di masjid, jika perlu mencari di luar atau di platform yang lain, mereka tidak dapat memahami sepenuhnya isi kandungan ilmu tersebut dek kekurangan yang mereka alami. Tambahan pula, menurut pengkaji lepas didapati golongan ini amat memerlukan program kerohanian untuk memenuhi keperluan spiritual mereka. Tamsilnya, mereka memerlukan bahan bacaan dalam tulisan Braille bagi membaca panduan untuk menunaikan solat, memerlukan Alquran Braille untuk memudahkan

pembacaan alquran bagi orang buta, bahkan memerlukan kelas alquran serta kelas fardu ain yang berfungsi untuk membantu golongan istimewa ini. Mereka juga mempunyai keinginan untuk mempelajari ilmu tajwid dan mempelajari kehidupan Islam yang sebenar bahkan bagi semua perbuatan ini perlu disertakan khidmat bahasa isyarat.

Justeru itu, golongan istimewa ini amat memerlukan keperluan spiritual yang dapat mendekatkan diri mereka dengan agama Islam. Keperluan spiritual merupakan makanan roh yang menghidupkan jasad, dan OKU juga perlu dijadikan sasaran dakwah supaya kerohanian mereka terisi. Menurut Pengerusi Yayasan Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa (Yayasan Feqah), isu masjid, program agama, dan pusat dakwah yang mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu dilihat dalam konteks kemahiran dalam penyampaian ilmu untuk memenuhi harapan dan kehendak golongan OKU, terutama dalam mendalami ilmu agama. Beliau memberikan contoh golongan OKU pekak yang tidak diraikan di masjid seluruh negara, terutama pada hari Jumaat ketika imam sedang menyampaikan khutbah kerana tiada khidmat jurubahasa isyarat. Namun, kesedaran masyarakat semakin tinggi kerana di kebanyakan tempat kini mempunyai khidmat jurubahasa isyarat sewaktu khutbah Jumaat berlangsung.


Cadangan yang relevan bagi peringkat awal penambahbaikan ialah menyediakan tenaga pengajar agama yang bersesuaian dengan OKU. Sesuai didalam konteks ini ialah seorang pendidik yang dapat membimbing OKU dengan penuh kesabaran kerana menurut responden yang ditemubual oleh pengkaji mendapati bahawa guru agama yang mereka temui sering memarahi mereka disebabkan mereka selalu menanyakan soalan sehingga mereka berasa ralat untuk hadir ke kelas agama lagi. Seorang pendidik OKU seharusnya mempunyai kesabaran yang tinggi untuk melayan kerenah yang pelbagai ragam sekaligus perlu mengetahui teknik mengajar yang bersesuaian agar ilmu agama yang ingin disampaikan dapat diberikan secara telus. Tambahan pula, apabila seorang pendidik itu menghadiri sebuah kursus atau seminar, mereka akan didedahkan dengan teknik mengajar yang boleh mendekati golongan ini seperti Kursus Dakwah Tanpa Suara yang dianjurkan oleh Ustaz Norakhyairee yang merupakan seorang pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) pada 13 Mei 2015 yang lalu.

Kursus sebegini merupakan langkah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat yang berlatarbelakangkan pengajian agama akan kepentingan berdakwah serta membuka peluang kepada mereka mempelajari bahasa isyarat supaya dapat berkomunikasi dengan golongan istimewa ini. Sudah menjadi kebiasaan manusia, walaupun ramai yang memahami maksud dan kelebihan

bersabar, namun sering lupa untuk mengamalkannya. Ketika berhadapan dengan golongan istimewa yang mempunyai pelbagai ragam, kebanyakan orang cenderung mengeluh dan cepat marah kerana tidak tahan dengan ujian tersebut. Namun, perlu diingat bahawa setiap kesukaran hidup yang Allah berikan adalah seiring dengan kemampuan kita untuk menghadapinya. Apabila seorang pendidik itu meletakkan kesabarannya dihadapan nescaya dia akan berasa manis akan kesabaran itu kerana berkat kesabaran tersebut anak didiknya telah memahami ilmu agama dengan baik dan mampu untuk menjalankan perintah Allah dengan baik. Jelaslah disini bahawa, sabar itu amatlah penting dan perlukan dijadikan raja didalam hati.

Kajian ini memfokuskan program kerohanian di masjid kerana masjid merupakan satu tempat tumpuan yang menyediakan pelbagai program terutamanya program kerohanian. Kebanyakan responden menyatakan bahawa jika mereka tidak menghadiri ke masjid untuk mempelajari ilmu agama, mereka tidak tahu medium yang boleh dipercayai untuk mempelajari yang berteraskan Alquran dan Assunah. Apabila mereka menghadirkan diri ke masjid, mereka dapat menikmati kelas agama yang disediakan namun masih terdapat kekangan yang boleh diatasi oleh pihak pengurusan masjid seperti perlu menyediakan skrin paparan yang mengandungi isi kandungan ceramah atau khutbah, penterjemah bahasa isyarat bagi orang pekak, memperbanyakkan Alquran Braille dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, Rajah 2 merumuskan keperluan spiritual OKU sama ada menurut kajian lepas ataupun dapatan temu bual.

Rajah 2: Analisis Keperluan Spiritual OKU Menurut Sorotan Literatur dan Temu bual



Sumber: Penulis

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia amat memerlukan keperluan spiritual. Bagi memastikan perkara ini tercapai, semua pihak perlulah menyedari peranan masing-masing untuk membantu golongan ini mendapatkan pengisian rohani dengan selayaknya. Terutamanya seorang pendakwah yang dianggap sebagai psikologist (kaunselor) yang berperanan sebagai insan yang boleh menyebarkan ilmu agama, memahami keadaan mad'u bahkan berperanan untuk memberi pandangan terhadap isu-isu yang berbangkit dalam kehidupan seharian.

Namun begitu, dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah, pendakwah perlu menunjukkan contoh yang baik dan mempunyai sifat yang mahmudah supaya golongan istimewa ini tahu untuk mencari para asatizah yang boleh menjadi sumber rujukan. Dakwah yang berkesan akan meningkatkan penghayatan agama kepada individu muslim bahkan menarik minat golongan bukan Islam untuk mendekati agama.

Hal ini demikian kerana, pelaksanaan ajaran Islam merupakan cahaya petunjuk kepada umat Islam untuk menjadi seorang muslim yang lebih baik berlandaskan empat aspek. Pertama, aspek aqidah atau keimanan. Kedua, aspek ibadah. Ketiga, aspek akhlak/tasawuf dan keempat, aspek muamalat. Oleh hal yang demikian, jika individu muslim tersebut dapat mempelajari keempat-empat aspek tersebut, mereka akan menikmati kemanisan agama yang sebenar-benarnya.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah menerima pembiayaan penuh daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) iaitu bagi projek Pembangunan Model Baharu Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia bagi kod penyelidikan: FP 059-2022 dibawah geran FRGS/1/2022/SSI13/UM/01/2. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi serta pihak Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia menerusi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang turut memberi tajaan dana bagi persidangan antarabangsa pada Februari 2024 kali ini.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail. (2014) “Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di Institusi Masjid-Masjid Daerah Tanjung Malim Perak”, *TeSSHI e-Proceedings*. Tanjung Malim, Perak, 48-57.
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath (1995). *al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da`wah*” Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Ikmal Hisham (2018) “Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia : Suatu Analisis”, *Kanun* (1), 71-99.
- Jumlah Masjid di Malaysia Ikut Negeri (2022) laman sesawang Myilmu Pelita, dicapai pada 12 Januari 2023 <https://www.myilmupelita.com/2022/01/jumlah-masjid-di-malaysia-ikut-negeri.html> Journal on Quranic Research (IJQR)(2013)Vol.3, No. 4, Pp. 79-94
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Negeri dan Kategori Sehingga 31 Disember 2022, diakses pada 31.12.2022
- Mohd. Yusuf Othman (1997) “Menjana Kelahiran Khaira Ummah Melalui Institusi Masjid,” Kertas kerja seminar Pemantapan Institusi Masjid: Wasilah Ke Arah Kecemerlangan Umat. INMIND.
- Muhammad Uthman (1997) “Institusi Masjid yang Bersifat Futuristik”. Kertas kerja Seminar Pemantapan Institusi Masjid: Wasilah Ke Arah Kecemerlangan Umat, INMIND.
- Mohammad Sabran Harun (2013) “Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah,” Disertasi Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamed, Ismail & Sulistyanto (2020) “Penyediaan Fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) di Masjid-Masjid Negeri Sembilan Ke Arah Masjid Mesra Pengguna,” *Journal of Human Capital Development*. vol. 3, no. 2, 75-88.
- Mustari & Jasmi (2008) *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Nur Dayana Mohd Khalil (2022) “Analisis Isu-Isu Berkaitan Hak dan Permasalahan Orang Kurang Upaya di Malaysia: Satu Sorotan Literatur,” *Jurnal Muwafaqat*, 33-51.
- Nurhidayah, Hanira & Nur Izzati (2017) “The Rights of Persons with Disabilities in Malaysia: The Underlying Reasons for Ineffectiveness of Persons with Disabilities Act 2008”, *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, Vol 1, 132.

- Nurul Asma Liana Bakar.(2017) “Cabaran Bagi Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru,” 3-15.
- Nurul Hidayati Binti Fachrurrazi. “Hak Golongan Orang Kurang Upaya Untuk Beribadah: Kajian di Masjid Bandar Kota Bharu, Kelantan”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2017.
- Nor Azlina et.al. (2017) Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari.
- Norakyairee et. Al. (2013) “Pengajaran Alquran Braille : Isu dan Cabaran Semasa”, *International Journal on Quranic Research (IJQR)*Vol.3, No. 4, June 2013, 79-94.
- Norakyairee Hj. Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. (2011) “Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa”. (Prosiding) Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa: Pusat Islam, UTM dan IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh. Halaman: 139.
- Roslan Mohamed (2022) “Keberkesanan Program Masjid : Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”, Seminar Pembangunan Masjid, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Shalini a/p Sanmargaraja Seow Ta Wee (2012) “Kajian Penyediaan Fasilitas Orang Kurang Upaya OKU di Nusajaya, Johor Bahru”, 94-99.
- Siti Muhibbah. (2020) “Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya”: *Jurnal Quran Sunnah Education and Special Needs*, 19-27.
- YADIM. Pembangunan Konsep dan Model Masjid Mesra Orang Kelainan Upaya, 2015
- Zulazhar Tahir et. Al (2020). “Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya : Satu Analisis Perkembangan Perundangan di Malaysia”, *The Malaysian Journal of Social Administration* 14, 96-114.

